



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR BERTERASKAN ICT DALAM MENINGKATKAN PENGUASAAN JAWI MURID ORANG ASLI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MUHAMMAD HAMDI HUSAINI BIN RASHIDI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR BERTERASKAN ICT DALAM MENINGKATKAN PENGUASAAN JAWI MURID ORANG ASLI

MUHAMMAD HAMDI HUSAINI BIN RASHIDI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN SEKOLAH RENDAH
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 10/6/2021

Student's Declaration:

Saya, MUHAMMAD HAMDI HUSAINI BIN RASHIDI, M20172001614 FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk KESAN PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR BERTERASKAN ICT DALAM MENINGKATKAN PENGUSAAN JAWI MURID ORANG ASLI adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

Supervisor's Declaration:

Saya DR SYAZA HAZWANI BINTI ZAINI dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KESAN PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR BERTERASKAN ICT DALAM MENINGKATKAN PENGUSAAN JAWI MURID ORANG ASLI dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN SEKOLAH RENDAH.

10 Jun 2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia

DR. SYAZA HAZWANI ZAINI
Penyiarah Kanan
Jabatan Pengajian Pendidikan
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tel.: 016-4897105





UNIVERSİTY
PENDİDIKAN
SULTAN IDRİS

و نیورسیتی فن دیدیق ن سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KESAN PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR
BERTERASKAN ICT DALAM MENINGKATKAN PENGUASAAN JAWI
MURID ORANG ASLI

No. Matrik / Matric's No.: M20172001614

Saya / /: MUHAMMAD HAMDI HUSAINI BIN RASHIDI

(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
i. The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
 2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
ii. Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
 3. Perpustakan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
iii. The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
 4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sainan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
iv. The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
 5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmii 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar / Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cpd Resmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 10 Jun 2021

Catatan: Jika Tesis/Disertesi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction



PENGHARGAAN

Segala Puji Bagi Allah, dengan limpah kurnia serta keizinannya, saya dapat menyiapkan kajian ini dengan jayanya. Sekalung penghargaan kepada Dr Syaza Hazwani Binti Zaini atas kesudian beliau selaku penyelia yang memberi bimbingan sepanjang proses kajian ini dijalankan. Dengan panduan dan tunjuk ajar yang diberikan oleh beliau, saya dapat menyempurnakan kajian ini.

Penghargaan dan terima kasih juga ingin ditujukan kepada ibu saya, Puan Hamsiah Binti Ismail yang tidak pernah jemu mendoakan kejayaan saya, tidak kira apa jua yang saya lakukan. Ucapan terima kasih juga buat Guru Besar SK Kampung Muhibah, Puan Azizah Binti Salleh yang memberi kebenaran dan menyokong usaha saya untuk menjalankan kajian ini. Tanpa keizinan dan sokongan beliau, sudah pasti lebih banyak halangan yang akan saya tempuh seterusnya menyukarkan perjalanan kajian ini.

Penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga SK Pos Piah yang sudi memberikan kerjasama yang terbaik sepanjang kajian ini dijalankan, dengan izin Guru Besar, Encik Azmi Bin Abdul Raoh, dan bantuan daripada seorang guru Pendidikan Islam, di sekolah tersebut, kajian ini dapat dijalankan dengan lancar.

Diharapkan dengan segala usaha yang telah dijalankan untuk melengkapkan kajian ini dapat memberikan manfaat buat diri saya serta semua warga pendidik khasnya.

Terima kasih.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti kesan bahan bantu berteraskan ICT dalam meningkatkan pencapaian kemahiran membaca dan menulis Jawi murid Orang Asli di sebuah sekolah rendah daerah Kuala Kangsar. Bahan bantu mengajar berteraskan ICT, iaitu *Power Point*, *Rainbow Jawi* dan *BlackBoard* menjadi medium pengajaran dan pembelajaran yang digunakan sepanjang proses intervensi. Pembinaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) guru dibina melalui sistem Collaborative Instructional Design System (CIDS). Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kuasi eksperimen telah digunakan dalam kajian ini. Pemilihan sampel kajian melibatkan 32 orang murid Orang Asli Tahun Empat dan Lima yang tidak melepas tahap lulus Ujian Diagnostik Jawi 2019. Instrumen ujian pra dan pasca digunakan pada kajian ini bagi mengenal pasti tahap kemahiran membaca dan menulis Jawi murid Orang Asli, seterusnya mengkaji perbezaan pencapaian kemahiran membaca dan menulis Jawi sebelum dan selepas intervensi selama 12 minggu. Data kajian dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. Dapatkan Ujian Jawi Kemahiran Membaca & Ujian Jawi Kemahiran Menulis Jawi pra dan pasca, memperlihatkan peningkatan tahap penguasaan murid daripada tahap tidak menguasai kepada tahap menguasai secara keseluruhan. Hasil analisis ujian-t berpasangan mendapati skor min Ujian Jawi Kemahiran Membaca pasca signifikan ($p<.05=0.00$) lebih tinggi daripada skor min Ujian Jawi Kemahiran Membaca pra. Selain itu, skor min Ujian Jawi Kemahiran Menulis pasca dicatatkan lebih tinggi dan signifikan secara statistik ($p<.05=0.00$) berbanding dengan skor min Ujian Jawi Kemahiran Menulis pra. Melalui kajian ini, bahan bantu mengajar berteraskan ICT perlu dilihat sebagai suatu usaha yang berupaya meningkatkan pencapaian murid – murid Orang Asli dalam pembelajaran.





THE USE OF ICT IN MASTERING JAWI AMONG ORANG ASLI STUDENTS

ABSTRACT

The aim of this study is to see how ICT-based aids can help Jawi Orang Asli students in a primary school in Kuala Kangsar improve their reading and writing skills. Throughout the intervention, ICT-based teaching aids such as Power Point, Rainbow Jawi, and BlackBoard were used as the primary teaching and learning medium. The Collaborative Instructional Design System is used to create Daily Lesson Plans (RPH) for teachers (CIDS). This research took a quantitative approach with a quasi-experimental approach. 32 Orang Asli students in Years 4 and 5 who did not pass the Jawi Diagnostic Test 2019 were chosen as part of the study sample. In this research, pre and post test instruments were used to determine the level of reading and writing skills of Jawi Orang Asli students, followed by a comparison of ability achievement. For 12 weeks, read and write Jawi before and after the intervention. The results of the study were interpreted using descriptive and inferential statistics. Students' levels of mastery increased from non-mastery to mastery as a whole, according to the results of the Jawi Reading Skills Test and Jawi Writing Skills Test pre and post. The mean score of the post-Jawi Reading Skills Test was significantly ($p.05 = 0.00$) higher than the mean score of the pre-Jawi Reading Skills Test, according to the results of paired t-test review. Furthermore, as compared to the pre Jawi Writing Skills Test, the mean score of the post Jawi Writing Skills Test was higher and statistically relevant ($p.05 = 0.00$). ICT-based teaching aids should be viewed as an attempt to enhance Orang Asli students' learning outcomes as a result of this report.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi



SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Kelompok dan bilangan Orang Asli mengikut Etnik di Semanjung Malaysia	7
1.3.1 Komposisi Agama Masyarakat Orang Asli Di Malaysia	9
1.3.2 Tahap Penguasaan murid Orang Asli Bidang Jawi	11





1.3.3 Pengajaran Jawi di Sekolah Rendah	12
1.4 Pernyataan Masalah	13
1.5 Objektif Kajian	18
1.6 Persoalan Kajian	18
1.7 Hipotesis Kajian	19
1.8 Kerangka Konsep Kajian	19
1.9 Kepentingan Kajian	21
1.9.1 Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)	21
1.9.2 Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)	22
1.9.3 Guru Pendidikan Islam	22
1.9.4 Murid Orang Asli	23
1.10 Batasan Kajian	23
1.11 Definisi Operasional	25
1.11.1 Murid Orang Asli	25
1.11.2 Bahan Bantu Mengajar Berteraskan ICT	26
1.11.3 Pencapaian Jawi Murid	27
1.11.4 Kemahiran Membaca	27
1.11.5 Kemahiran Menulis	28
1.12 Rumusan	29





BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	30
2.1	Pengenalan	30
2.2	Bidang Jawi	30
2.3	Pemulihan Jawi	32
2.4	Media dalam Pengajaran dan Pembelajaran	33
2.5	Bahan Bantu Mengajar	34
2.5.1	Bahan Bantu Mengajar Pembelajaran Berteraskan ICT	34
2.6	Aplikasi Pembelajaran Telefon Mudah Alih	37
2.6.1	Perisian (<i>Software</i>) yang terdapat di dalam kajian ini adalah:	39
2.7	Penggunaan BBM Berteraskan ICT dan BBM Tradisional	40
2.8	Model dan Teori Berkaitan Kajian	42
2.8.1	Model TPACK (Technological Pedagogical Content Knowledge).	43
2.8.2	Teori Resapan Inovasi	45
2.8.3	Sistem Reka Bentuk Instruksional Kolaboratif (CIDS)	48
2.9	Kerangka Teoritikal Kajian	50
2.10	Rumusan	54
BAB 3	METODOLOGI	56
3.1	Pengenalan	56
3.2	Reka bentuk kajian	57
3.3	Ancaman –ancaman Yang Dikawal	58





3.4	Populasi dan Persampelan	60
3.5	Lokasi Kajian	63
3.6	Tempoh Kajian	64
3.7	Instrumen Kajian	65
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	66
3.9	Prosedur Kajian dan tatacara Pengumpulan data	66
3.10	Proses Ujian Pra, Intervensi dan Ujian Pasca	67
3.11	Proses Intervensi (Pengajaran dan pembelajaran Jawi Menggunakan Bahan Bantu Mengajar Berteraskan ICT).	68
3.12	Analisis Data	72
3.13	Rumusan	75



4.1	Pengenalan	76
4.2	Demografi Sampel Kajian	77
4.3	Analisis dan Keputusan Kajian	78
4.4	Rumusan	85

BAB 5**PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1	Pengenalan	86
5.2	Perbincangan Demografi Sampel Kajian	87
5.3	Perbincangan Analisis Keputusan Kajian	88
5.3.1	Tahap Pencapaian Kemahiran membaca Jawi Murid Orang Asli	89





5.3.2	Tahap Pencapaian Kemahiran Menulis Jawi Murid Orang Asli	90
5.3.3	Kesan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berteraskan ICT dalam meningkatkan kemahiran membaca Jawi Murid Orang Asli	91
5.3.4	Kesan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berteraskan ICT dalam meningkatkan kemahiran menulis Jawi Murid Orang Asli	93
5.4	Implikasi Kajian	95
5.5	Cadangan Untuk Meningkatkan Mutu Kajian Lanjutan	98
5.6	Kesimpulan	99
RUJUKAN		101
LAMPIRAN		109





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Jenis kelompok dan bilangan Orang Asli mengikut Etnik di Semenanjung Malaysia	7
1.2 Komposisi Agama Masyarakat Orang Asli Di Malaysia	10
1.3 Tafsiran Tahap Penguasaan Murid Bidang Jawi	11
1.4 Pelaporan j-QAF Sekolah Murid Orang Asli Daerah Kuala Kangsar	15
3.1 Eksperimen Kuasi Jenis Kumpulan One Group Pre-Post Test Design.	58
3.2 Sampel Kajian mengikut Tahun dan Jantina	62
3.3 Sumber Asal Soalan Pra dan Pasca	65
3.4 Prosedur Intervensi (Pengajaran dan pembelajaran Jawi Menggunakan Bantu Mengajar Berteraskan ICT).	69
3.5 Intervensi ICT Mengikut Komponen Asas Jawi	70
3.6 Rumusan Analisis Data	73
3.7 Tafsiran Skor Bagi Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca Jawi	74
3.8 Tafsiran Skor Bagi Tahap Penguasaan Kemahiran Menulis Jawi	74





4.1	Bilangan Sampel Mengikut Kelas	77
4.2	Bilangan Sampel Mengikut Jantina	78
4.3	Keputusan Pencapaian Ujian Jawi Kemahiran Membaca (Pra)	78
4.4	Keputusan Pencapaian Ujian Jawi Kemahiran Membaca (Pasca)	79
4.5	Keputusan Pencapaian Ujian Jawi Kemahiran Menulis (Pra)	79
4.6	Keputusan Pencapaian Ujian Jawi Kemahiran Menulis (Pasca)	80
4.7	Analisis Ujian-t Sampel Berpasangan Bagi Ujian Jawi Kemahiran Membaca	80
4.8	Analisis Ujian-t Bagi Ujian Kemahiran Menulis Jawi	81
4.9	Keputusan Ujian Jawi Kemahiran Membaca (Pra & Pasca)	82
4.10	Keputusan Ujian Jawi Kemahiran Menulis (Pra & Pasca)	84





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konsep Kajian	20
2.1 Model TPACK Sumber: http://tpack.org	44
2.2 Model ASIE Sumber: https://asiemodel.net/	49
2.3 Kerangka Teoritikal Kajian	54
3.1 Proses ujian Pra, Intervensi dan Ujian Pasca	67





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

XV

SENARAI SINGKATAN

CIDS	Collaborative Instructional Design System
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
j-QAF	Jawi, al-Quran, Bahasa Arab & Fardhu Ain
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI LAMPIRAN

- A Kelulusan KPM
- B Kelulusan JPN Perak
- C Analisis j-Qaf 2018 Daerah Kuala Kangsar
- D Instrumen Kajian (Kemahiran Membaca)
- E Instrumen Kajian (Kemahiran Menulis)
- F Analisis SPSS Ujian t-sampel berpasangan (Ujian Jawi Kemahiran Membaca)
- G Analisis SPSS Ujian t-sampel berpasangan (Ujian Jawi Kemahiran Menulis)





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Istilah Jawi merupakan panggilan orang Arab kepada sesuatu rumpun bahasa di Nusantara. Asal usul “Jawi” itu sendiri merupakan perkataan yang terhasil daripada perkataan bahasa Arab iaitu “Jawah”. Perkataan “Jawah” ini pula berasal daripada perkataan “Javadwipa”, yang merupakan sebuah daerah di Asia Tenggara pada zaman purba (Amat Juhari Moin, 1996).

Tulisan Jawi mula diperkenalkan pada abad ke-10 Masihi, pada masa yang sama, wujudnya Islam di Tanah Melayu. Setelah itu, tulisan Jawi mengambil alih sistem tulisan sedia ada secara menyeluruh, kerana pada ketika itu, ia dianggap lebih sesuai dipraktikkan bagi memudahkan proses pembelajaran agama Islam. Sebelum peralihan sistem tulisan ini, orang Melayu pernah menggunakan sistem tulisan Pallava dan Kawi (Shakila, Hussain, Rafiuddin, Mikdar, Mohd Hisyam 2012). Huruf-huruf Jawi, terdiri daripada 35 huruf kesemuanya, 30 daripadanya berasal daripada skrip bahasa Arab.





Manakala 5 huruf baru dicipta iaitu *ca, pa, nga, ga* dan *nya* bagi memenuhi keperluan mengeja Bahasa Melayu (Muhammad Bukhari, Fatimah, Husniyati, Husazimah & Siti Fatimah, 2006).

Masyarakat Malaysia pada masa kini tidak lagi menggunakan tulisan Jawi sebagai bahasa komunikasi dalam kehidupan harian mereka. Isu penutupan akhbar Utusan Melayu merupakan bukti yang jelas masyarakat di negara ini tidak gemar membaca bahan-bahan dalam tulisan jawi. Keadaan ini memperlihatkan betapa tulisan Jawi tidak lagi mendapat perhatian utama masyarakat seterusnya bakal melenyapkan warisan bahasa yang dimiliki sejak sekian lama (Raslin 2006).

Namun begitu, dalam konteks pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia

(KPM) memandang serius akan kepentingan Jawi sebagai warisan Melayu yang sangat berharga, bidang Jawi mula diperkenalkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Lee Guan Hooi (2006) menyatakan bahawa pembelajaran tulisan Jawi turut dipelajari secara formal oleh golongan bukan Melayu ketika ia menjadi sebahagian daripada mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah kebangsaan. Setelah itu, pada tahun 1983, bidang Jawi kemudianya masukkan ke dalam mata pelajaran Pendidikan Islam apabila KBSR (Kurikulum Baru Sekolah Rendah) dilancarkan. Berpandukan Akta Pelajaran 1961, setiap murid yang beragama Islam di Malaysia diwajibkan mempelajari Pendidikan Islam, selama mana murid itu berada di sekolah rendah dan sekolah menengah. Oleh demikian wujudnya kurikulum Pendidikan Islam di sekolah rendah dan juga sekolah menengah (Ismail, 1992). Ini jelas menunjukkan bahawa setiap murid beragama Islam wajib mempelajari Pendidikan Islam serta mendalami bidang Jawi di sekolah.





Seterusnya, bidang Jawi dimasukkan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam ketika pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) 1982 sehingga KSSR semakan pada tahun 2017. Bagi memperhebatkan lagi usaha pembelajaran Jawi di peringkat sekolah rendah, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mewujudkan Kem Cemerlang Jawi bermula tahun 2015. Program yang terkandung di dalam kem ini menjurus kepada aktiviti pembelajaran wajib yang akan dijalankan ke atas murid-murid beragama Islam, ia melibatkan murid yang belum menguasai kemahiran asas Jawi. Kumpulan murid ini dikenal pasti melalui Ujian Diagnostik Jawi. Mereka akan menerima bimbingan serta menggunakan modul khas serta diajar dengan menggunakan kaedah dan teknik yang tertentu sehingga mereka dapat menguasai kemahiran mengenal, membaca dan menulis Jawi dengan sempurna (Bahagian Pendidikan Islam, 2017).



7 bidang utama iaitu Jawi, Hafazan, Tilawah, Ibadah, Sirah, Adab dan Hadis merupakan kandungan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam. KSSR Pendidikan Islam dipraktikkan dengan memberi fokus terhadap Standard Kandungan dan Sukatan Pelajaran yang perlu dikuasai oleh murid.

Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dijalankan melalui pelbagai kaedah dan cara pengajaran antaranya dengan menggunakan buku-buku atau teks Pendidikan Islam yang ditulis menggunakan tulisan Jawi (Nik Rosila 2007). Kenyataan ini menyokong penulisan Kang Kyoung Seouk, (1990) menyatakan tulisan Jawi ini merupakan medium asas untuk pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah di seluruh negara pada hari ini seterusnya melengkapkan murid-murid dengan





kemahiran menulis dan membaca Jawi bagi membolehkan murid-murid memahami pelbagai bidang ilmu dalam Pendidikan Islam.

Antara langkah pihak KPM untuk menambah baik sistem pembelajaran Pendidikan Islam adalah dengan mewujudkan Program j-QAF yang memberi penumpuan terhadap pengajaran Jawi, al-Quran, Bahasa Arab serta Fardhu Ain. Ia dijalankan di semua sekolah kebangsaan yang mempunyai murid Islam. Program j-QAF ini dijalankan secara serentak di seluruh negara. Ia berperanan bagi memperkuatkan lagi beberapa bidang utama Pendidikan Islam iaitu bidang Jawi, Al-Qur'an, Bahasa Arab serta pemantapan amalan-amalan Fardhu Ain. Penggubalan program ini mengetengahkan ciri-ciri kurikulum, modul dan model yang tersendiri. Latihan khusus diberikan kepada guru-guru Pendidikan Islam supaya membolehkan mereka menjalankan aktiviti pemuliharan, bimbingan, penggunaan teknologi, pengukuhan dan penghayatan Jawi kepada murid. Pelaksanaan aktiviti sebegini adalah selari dengan peruntukan jadual waktu mata pelajaran Pendidikan Islam sedia ada (Ghazali, Rahimi & Zaidah, 2008).

Berdasarkan penyataan yang telah dibincangkan oleh Nur Azuki & Nik Yusri (2012) memperlihatkan bahawa bidang Jawi merupakan bidang yang terpenting dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, sekiranya isu penguasaan jawi yang lemah dalam kalangan murid ini terus dibiarkan, ia akan mendatangkan kesan negatif terhadap pencapaian dan minat murid pada mata pelajaran Pendidikan Islam khususnya. Sungguhpun KPM telah menjalankan pelbagai program bagi memperkasakan penguasaan Jawi murid, namun begitu masih ramai murid tidak berjaya menguasai kemahiran membaca dan menulis huruf-huruf Jawi.





Seterusnya, Norhaya (2015) menjelaskan, proses pengajaran dalam mata pelajaran Pendidikan Islam haruslah menggunakan pendekatan yang lebih aktif dan bukanlah sekadar menghafal, penyampaian kuliah, pembelajaran bercorak individu dan berpusatkan guru semata. Guru perlulah melibatkan murid secara menyeluruh dalam proses pembelajaran. Oleh demikian Guru harus lebih bervariasi dalam menggunakan kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran mereka.

Sumbangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) terhadap pembelajaran lebih ketara pada zaman ini, yang mana ia turut menyokong pendidikan yang menjurus ke arah pemulihan murid dalam sesuatu mata pelajaran melalui kaedah pengajaran yang khusus. Penggunaan media di dalam pengajaran menjadikan pendidikan lebih produktif serta mampu membekalkan pengalaman baru kepada murid (Yusuf, 1997). Oleh itu, kajian terhadap pengajaran menggunakan bahan bantu mengajar berteraskan ICT perlu dilakukan bagi membolehkan peningkatan pencapaian murid Orang Asli di dalam bidang Jawi khususnya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pelbagai fasa perubahan berlaku terhadap sistem pendidikan di Malaysia sejak zaman pra penjajahan sehingga kini. Beberapa aspek pendidikan seperti kurikulum, penaksiran dan penilaian serta struktur persekolahan telah menjurus ke arah kesaksamaan peluang pendidikan secara menyeluruh. Walau bagaimanapun, dalam kesungguhan Malaysia menambah baik kualiti pendidikan negara ke arah bertaraf global seterusnya menyamaratakan peluang pendidikan untuk semua, masih wujud





segelintir masyarakat yang terpinggir dan tercicir, iaitu etnik minoriti orang asli (Mohd Nazri, 2014).

Di Malaysia, menjadi suatu keunikan dan keistimewaan apabila wujudnya kepelbagaian etnik yang mewarnai corak kehidupan di negara ini, dan ia harus dikekalkan buat selamanya. Kerajaan sentiasa mengambil langkah progresif dalam memastikan masyarakat Orang Asli membangun seiring dengan kumpulan etnik yang lain dalam menikmati kemajuan dan kemakmuran negara ini. Bagi membangunkan masyarakat orang Asli, perkara asas yang perlu dilakukan adalah melalui pendidikan (Sufean, 2004).

Masyarakat Orang Asli dikenali sebagai golongan yang masih ketinggalan

dalam arus pendidikan di Malaysia. Mereka menghadapi pelbagai kekangan yang menghalang mereka daripada menikmati kemudahan dan kemajuan pendidikan di negara ini. Masalah utama yang sering melanda mereka ialah kesukaran untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah, terutama bagi mereka yang tinggal di kawasan pedalaman. Jumlah kehadiran mereka ke sekolah masih berada di tahap yang rendah disebabkan lokasi perkampungan Orang Asli dengan sekolah yang jauh. Di suatu keadaan yang lain pula, perkhidmatan pengangkutan telah pun disediakan untuk membawa anak-anak tersebut ke sekolah, namun masalah jarak yang jauh pula mengakibatkan perjalanan mereka ke sekolah mengambil masa yang lama, sekali gus mengganggu proses pembelajaran dan tumpuan mereka apabila tiba di sekolah. Sehubungan itu, bagi menggiatkan usaha memberi kemajuan terhadap golongan masyarakat ini dalam aspek pendidikan, pihak kerajaan masih perlu memantapkan usaha penambahbaikan seperti meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan,





menyediakan kemudahan asrama yang baik seterusnya dan menambahkan bilangan sekolah yang berhampiran dengan perkampungan orang Asli (Mazdi, Jabil & Rosmiza, 2014).

Berdasarkan Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Orang Asli (2016), melaporkan bahawa 31.6% kedudukan kampung Orang Asli berada di kawasan pedalaman seterusnya mengklasifikasikan sebanyak 41.4% buah kampung Orang Asli berada di tahap yang mundur. Berikut merupakan jumlah bilangan Orang Asi mengikut Etnik di Malaysia. Rujuk Jadual 1.1.

1.3 Kelompok dan bilangan Orang Asli mengikut Etnik di Semenanjung Malaysia



Jadual 1.1

Jenis kelompok dan bilangan Orang Asli mengikut Etnik di Semenanjung Malaysia

Kelompok Besar	Senoi	Bil.	Melayu-Proto	Bil.	Negrito	Bil.
Kumpulan Kecil	Semai	51437	Temuan	27590	Kensi	237
	Temiar	31038	Semelai	7727	Kintak	194
	Jahut	5618	Jakun	34722	Jahai	2387
	Che' Wong	651	Kanaq	148	Lanoh	382
	Mahmeri	3799	Orang Kuala	3525	Mendriq	362
	Semaq Beri	5313	Seletar	1620	Bateq	1447
Jumlah Besar: 178,197 Orang						

Sumber: (JAKOA, 2016)





Mengikut dapatan yang diperoleh, jelas menunjukkan bilangan orang Asli yang ramai di kawasan pedalaman serta terdiri daripada pelbagai etnik dari seluruh Malaysia. Kebanyakan mereka mendiami kawasan yang terpencil serta jauh dari kawasan bandar.

Berdasarkan skor pencapaian Murid Orang Asli, dalam ujian dan peperiksaan di peringkat sekolah, mereka dilihat ketinggalan serta dianggap sebagai murid yang lemah dan terpinggir. Antara faktor yang mendorong berlakunya perkara ini disebabkan sikap kebanyakan ibu bapa mereka tidak mengambil berat perihal pembelajaran serta kehadiran anak mereka ke sekolah (Ahmad & Mohd Jelas 2009).

Kajian oleh Kassim dan Adnan (2010) mendapati murid-murid Orang Asli dari sekolah-sekolah luar bandar di Perak mengalami kemerosotan. Mereka membuat kesimpulan bahawa “selama lima tahun berturut-turut untuk semua pelajar Orang Asli di sekolah-sekolah yang duduk untuk peperiksaan Standard 6 (UPSR), tiada seorang pun dari mereka yang berjaya mendapatkan gred lebih tinggi daripada Gred D”. Selain itu, pada dapatan kajian yang lebih awal pula menunjukkan kira-kira 62 % murid-murid Orang Asli mengalami keciciran ketika di sekolah rendah, manakala 94.4 % di kalangan mereka tidak meneruskan pembelajaran ke peringkat menengah. Dapatan kajian ini juga turut mencatatkan, hanya 395 Orang Asli sahaja yang telah mencapai pendidikan di peringkat Universiti di negara ini (Kamarulzaman Kamaruddin, 2008).

Dapatan kajian yang dijalankan oleh Yusri (2017) merumuskan bahawa, murid Orang Asli mempunyai kecenderungan menggunakan otak kiri dan tergolong dalam jenis murid global. Manakala Dunn, Cavanaugh, Eberle, dan Zenhausan (1982) menyatakan, kelompok murid ini memerlukan kesenyapan, cahaya terang, serta reka





bentuk pengajaran formal semasa pembelajaran. Berbanding murid lain yang cenderung kepada penggunaan otak sebelah kanan, mereka memerlukan bunyi, cahaya yang suram dan suasana tidak formal. Dalam satu kajian lain yang dijalankan oleh Mohd Zamri (2011), mendapati bahawa murid Orang Asli, mengamalkan gaya pembelajaran berbentuk visual (53.6%) berbanding gaya auditori (26.4%) atau kinestatik (20%). Ia menunjukkan mereka lebih suka kepada suasana pembelajaran yang pasif, boleh dilihat atau diperhatikan serta lebih mudah mengingat apa yang mereka lihat berbanding apa yang mereka dengar.

1.3.1 Komposisi Agama Masyarakat Orang Asli Di Malaysia

Berdasarkan kedudukan pola beragama, peratusan masyarakat Orang Asli di Malaysia, jumlah Orang Asli yang menganut agama Animisme (33%), Islam (20%), Kristian (9.8%), Bahai (2.8%), Hindu (0.1%) dan Agama Suku Adat (8.4%). Manakala Orang Asli yang tiada agama seramai (24%) dan lain-lain adalah (1.5%). Komposisi ini memberikan gambaran jelas bahawa sebilangan besar Orang Asli beragama Islam berkeperluan mempelajari Pendidikan Islam dan mendalami bidang Jawi. Berikut merupakan komposisi Agama Masyarakat Orang Asli di Malaysia. Rujuk Jadual 1.2





Jadual 1.2

Komposisi Agama Masyarakat Orang Asli Di Malaysia

Agama	Bilangan	Peratus
Animisme	58043	33 %
Islam	35975	20 %
Kristian	17351	9.8 %
Buddha	1024	0.6 %
Bahai	5071	2.8 %
Hindu	261	0.1 %
Agama Suku Adat	14975	8.4 %
Tiada Agama	42757	24 %
Lain-lain	2740	1.5 %
Jumlah	178197	100 %

Sumber: (JAKOA 2011)

Tahap pendapatan isi rumah sesebuah keluarga berupaya mempengaruhi pencapaian murid dalam pelajaran Jawi. Melalui hasil kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa murid –murid berasal daripada keluarga yang berpendapatan rendah dan tinggi lebih cenderung menghadapi masalah lemah Jawi. Ini disebabkan dua faktor berbeza, golongan murid yang berada dalam kalangan keluarga yang berpendapatan rendah, mereka menghadapi pelbagai kekangan seperti kedaifan hidup serta tidak menerima perhatian sewajarnya oleh ibu bapa. Manakala, berlainan pula dengan murid yang berada dalam kalangan keluarga yang berpendapatan tinggi, mereka lebih cenderung untuk mengutamakan mata pelajaran yang lain berbanding Pendidikan Islam. Penguasaan mata pelajaran Pendidikan Islam dan tulisan Jawi dianggap tidak penting serta tidak perlu diberi penekanan seperti mata pelajaran utama yang lain. (Siti Fatimah 2006).



1.3.2 Tahap Penguasaan murid Orang Asli Bidang Jawi

Berdasarkan Pelaporan j-Qaf PPD Kuala Kangsar 2018, memperlihatkan pencapaian Program j-QAF sekolah-sekolah orang asli daerah Kuala Kangsar berada pada tahap yang lemah. Sekali gus membuktikan kelemahan murid dalam penguasaan jawi yang merupakan komponen pertama dalam program j-QAF. Seterusnya menerusi Pelaporan Bilik Darjah Oktober 2018 di salah sebuah sekolah daerah tersebut, menunjukkan keseluruhan murid Orang Asli yang beragama Islam di sekolah berada di bawah tahap penguasaan 3 pada bidang Jawi. Iaitu majoriti mereka berada pada Tahap Penguasaan 1 dan 2.

Berdasarkan penyataan tahap penguasaan Jawi yang terkandung di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, murid Orang Asli berada di tahap yang lemah serta tidak mempunyai keupayaan untuk membaca, menulis Jawi dengan betul dan tepat. Berikut merupakan jadual mengikut tahap penguasaan murid dalam bidang Jawi. Rujuk Jadual 1.3.

Jadual 1.3

Tafsiran Tahap Penguasaan Murid Bidang Jawi

Tahap Penguasaan	Tafsiran
Tahap 1	Membaca, membina dan menulis Jawi dengan bimbingan.
Tahap 2	Membaca, membina dan menulis Jawi dengan betul.
Tahap 3	Membaca, membina dan menulis Jawi dengan tepat.
Tahap 4	Membaca, membina dan menulis Jawi dengan betul, tepat dan kemas.
Tahap 5	Membaca, membina dan menulis Jawi dengan betul, tepat dan kemas serta membudayakannya.
Tahap 6	Membaca, membina dan menulis Jawi dengan betul, tepat dan kemas serta dicontohi.



1.3.3 Pengajaran Jawi di Sekolah Rendah

Di sekolah kebangsaan, Jawi dipelajari semasa pengajaran Pendidikan Islam, satu waktu (30 minit) untuk seminggu. Guru-guru Pendidikan Islam mengajar bidang Jawi menggunakan 2 teknik utama, iaitu kaedah nyanyian huruf tunggal Jawi serta memberikan latihan menulis Jawi kepada murid. Penumpuan dan penekanan diberikan terhadap kemahiran menulis kerana kelemahan murid-murid dalam Jawi lebih cenderung kepada kemahiran menulis (Sukma, 2011).

Beliau juga menyimpulkan bahawa guru-guru Pendidikan Islam lebih gemar mengajar dengan menggunakan papan hitam berbanding penggunaan pelbagai kemudahan bahan bantu mengajar (BBM) yang lain dalam pengajaran Jawi. Selain itu

guru seharusnya mempelbagaikan penggunaan BBM dalam pengajaran untuk menarik perhatian murid agar lebih memberikan tumpuan di dalam kelas. Kesimpulan ini turut

menyokong dapatan Akmariah dan Sofiah, (2010) yang menyimpulkan bahawa guru merupakan individu yang bertanggungjawab untuk mempengaruhi murid melalui penghasilan bahan bantu mengajar yang berkesan serta mewujudkan pembelajaran murid secara berkumpulan seterusnya memberikan motivasi yang dapat merangsang mereka untuk terus meminati sesuatu pelajaran.

Menurut Olivia Saracho (2012) mengatakan bahawa, masih ramai guru yang terikat dengan proses pemikiran serta pengajaran secara tradisional, yang mana amalan seperti ini akan menghalang kreativiti mereka sebagai seorang guru. Oleh itu, segala masalah pembelajaran yang dihadapi oleh murid-murid seharusnya boleh diatasi dengan memperkenalkan intervensi yang baharu seperti bahan bantu mengajar





berteraskan ICT. Penggunaan bahan-bahan berteraskan ICT ketika menjalankan pengajaran dan pembelajaran adalah lebih berkesan terhadap pencapaian sesuatu mata pelajaran dan mampu mengubah sikap murid-murid terhadap aktiviti pembelajaran. Maka, dengan menjalankan kajian eksperimen ke atas bantu mengajar berteraskan ICT, pengkaji berharap ia dapat membantu, meningkatkan kemahiran membaca dan menulis Jawi, seterusnya meningkatkan pencapaian mereka dalam ujian-ujian kemahiran yang diberikan.

1.4 Pernyataan Masalah

Malaysia merupakan negara berbilang bangsa dan kaum. Menjadi suatu keunikan di negara ini, kepelbagaiannya yang ada ini melahirkan murid yang datang daripada pelbagai bangsa dan bahasa. Perbezaan latar belakang ini merupakan suatu aspek pendidikan yang dipandang tinggi demi mewujudkan suasana harmoni dalam kalangan murid di sekolah. Matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia adalah untuk memastikan kesemua murid yang bersekolah di negara ini mempunyai peluang dan keupayaan yang sama untuk berjaya. Bagi mencapai matlamat tersebut, setiap jurang pendidikan yang wujud perlu dirapatkan supaya akses, ekuiti, dan kualiti dapat ditingkatkan antara sekolah bandar dan luar Bandar. Selain itu jurang digital, jurang antara tahap pencapaian murid, jurang antara murid normal dan murid berkeperluan khas dan jurang sosioekonomi juga perlu diberi perhatian yang serius (Mohamad Johdi, Norul Khairiah, Nur Awanis, Nurul Huda & Siti Aisyah, 2009). Abdul Razak, Mohd Mahzan dan Norwaliza (2019) mendapati bahawa sebanyak 4.4 % murid sekolah rendah masih belum menguasai kemahiran 3 M (membaca, menulis dan mengira) termasuklah murid-murid Orang Asli.





Kemahiran-kemahiran ini merupakan asas pembelajaran penting di peringkat sekolah rendah.

Perbezaan bahasa dalam kalangan murid Orang Asli menjadikekangan untuk mewujudkan komunikasi yang lancar antara guru dan murid. Kelemahan mereka untuk berbahasa Melayu dengan baik menjadi halangan pertama terhadap penguasaan pembelajaran. Mereka mengambil tempoh yang panjang untuk menguasai bahasa Melayu yang merupakan bahasa pengantara di sekolah (Mohamad Johdi Norul Khairiah, Nur Awanis, Nurul Huda, Siti Aisyah 2009).

Berdasarkan dapatan kajian terhadap murid Orang Asli juga, mereka tidak berminat untuk mempelajari mata pelajaran Matematik, Sains, Bahasa Inggeris, dan Pendidikan Islam kerana kurang tertarik daripada segi pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru. Murid Orang Asli cepat berasa bosan kerana tidak memahami apa yang guru cuba sampaikan (Abdul Razak, Mohd Mahzan & Norwaliza, 2019).

Melalui kajian Abdull Sukor, Nuraini, Mohd Izam dan Mohd Hasani (2011), menunjukkan faktor lemah daya ingatan yang dihadapi oleh kebanyakan murid Orang Asli menyebabkan mereka tidak dapat menguasai mata pelajaran yang diajar oleh guru. Mereka sering lupa isi pembelajaran yang dipelajari lalu menyukarkan proses perkembangan pembelajaran. Kebolehan mengingat mereka berada pada tahap yang lemah menyumbang kepada berlakunya permasalahan ini. Kajian yang sama turut mendapati mereka mempunyai daya penaakulan yang lemah lalu sukar untuk





memahami sesuatu masalah seterusnya mengakibatkan mereka tidak berminat untuk mengikuti pembelajaran di sekolah.

Penyataan di atas turut disokong oleh Ahmad & Mohd Jelas (2009) di mana murid Orang Asli didapati mudah bosan dan jemu dengan aktiviti pembelajaran dan hanya mampu memberi perhatian sekitar 15 minit sahaja Kaedah pengajaran sedia ada, tidak lagi mampu menarik minat murid, guru perlu memperbanyakkan kaedah dan teknik pengajaran yang baru yang bersifat lebih interaktif dan inovatif selain berkesan untuk menggalakkan murid menyertai pengajaran dan pembelajaran secara dua hala.

Berikut merupakan jumlah peratus mengikut pelaporan j-QAF 2018 (Jawi), yang melibatkan seramai 889 orang murid Islam di sekolah-sekolah murid Orang Asli Daerah Kuala Kangsar. Secara keseluruhan, pencapaian Jawi murid-murid Orang Asli di daerah Kuala Kangsar berada pada tahap yang amat lemah. Purata keseluruhan bidang Jawi menunjukkan mereka berada pada Gred E. Gred ini bukan sahaja mempamerkan kelemahan mereka secara keseluruhan, malah membuktikan kaedah pembelajaran sedia ada tidak mampu meningkatkan pencapaian murid Orang Asli terhadap penilaian ini. Rujuk jadual 1.4.

Jadual 1.4

Pelaporan j-QAF Sekolah Murid Orang Asli Daerah Kuala Kangsar

Tahun	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5	Tahun 6
Jumlah Murid Yang menguasai	14.29%	14.10%	22.92%	29.07%	28.46%	45.86%
Gred	E	E	E	E	E	D





Dalam arus pendidikan sekarang, tulisan Rumi diberi lebih perhatian berbanding tulisan Jawi, ini menyebabkan penguasaan Jawi semakin merosot (Rusmani, 2000). Dapatan kajian beliau juga menunjukkan bahawa, di peringkat sekolah menengah, tahap penguasaan Jawi murid masih lemah serta tidak mampu menulis huruf tunggal Jawi dengan betul. Penekanan atas Jawi ini perlu dilakukan bermula dari peringkat sekolah rendah lagi, bagi membolehkan murid menguasai atas kemahiran Jawi dengan baik.

Persepsi murid di sekolah rendah sering menganggap bahawa bidang Jawi merupakan suatu perkara yang sukar. Ia kurang diminati oleh murid-murid. Antara masalah yang sering dilaporkan berkenaan dengan penguasaan murid dalam suku kata terbuka dan tertutup Jawi, ia merupakan perkara asas dalam pembelajaran Jawi sebelum murid boleh menguasai pelbagai perkataan dan ayat yang ditulis dalam tulisan jawi. Murid-murid sekolah rendah terutamanya yang bersekolah di luar bandar menghadapi masalah dalam menguasai kemahiran asas Jawi ini (Nurul Hidayah, 2014).

Dapatan kajian Rosila Nik Yaacob (2007) menunjukkan penguasaan Jawi di kalangan murid tingkatan 2 dan 4 berada pada tahap yang lemah. Secara purata 41.82 % murid gagal menyambungkan huruf-huruf Jawi, manakala 72.28% murid gagal menukarkan huruf Rumi kepada huruf Jawi. Hasil kajian ini seterusnya menemukan terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan Jawi dengan pencapaian murid dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Jika dilihat secara umum, kelemahan atas Jawi ini bermula daripada peringkat sekolah rendah lagi. Kelemahan murid dalam mengeja Jawi memberikan impak negatif terhadap pembelajaran Pendidikan Islam khususnya.



Jawi adalah bidang utama dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Menurut Azhar dan Nurul Huda (2010) antara punca utama yang menyumbang terhadap masalah murid lemah Jawi adalah disebabkan kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam yang mundur dan tidak mengikuti perkembangan semasa. Jika dilihat pada masa kini Guru Pendidikan Islam seharusnya berupaya menjalankan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang lebih bersesuaian dengan perkembangan arus semasa demi memupuk minat murid terhadap ilmu agama khususnya.

Menurut Mohd Ekram (2014) tahap penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru masih rendah, kebanyakan guru lebih cenderung menggunakan papan putih serta buku teks sebagai medium pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Proses pengajaran dan pembelajaran sebegini tidak berupaya untuk mewujudkan komunikasi dua hala dengan baik. Perkara ini bukan sahaja mendatangkan kesan negatif terhadap murid, seperti mengurangkan minat mereka untuk mengikuti pelajaran, malah menjadikan pengajaran lebih sukar. Sistem pendidikan tradisional bukan sahaja sebegini pasti membosankan malah tidak berupaya memaksimumkan penglibatan murid dalam pengajaran dan pembelajaran.

Oleh demikian, pengkaji berpendapat bahawa kajian ini perlu dilakukan ke atas murid-Murid Orang Asli yang bukan sahaja lemah dalam mata pelajaran dan mengalami keciciran pembelajaran di sekolah malah turut dikategorikan sebagai murid Orang Asli yang lemah Jawi, kajian ini seharusnya dapat memperlihatkan keberkesanan penggunaan aplikasi ICT sebagai medium pembelajaran yang mampu



mempertingkatkan penguasaan murid Orang Asli terhadap kemahiran membaca dan menulis Jawi khususnya.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat sejauh mana bantu mengajar berteraskan ICT membantu meningkatkan pencapaian Jawi dalam kalangan Murid Orang Asli kaum Temiar di salah sebuah sekolah pedalaman di Sungai Siput (U) Perak.

Secara khususnya kajian ini dijalankan untuk mencapai beberapa objektif iaitu:

1. Mengenal pasti tahap pencapaian kemahiran membaca Jawi dalam kalangan murid Orang Asli.
2. Mengenal pasti tahap pencapaian kemahiran menulis Jawi dalam kalangan murid Orang Asli.
3. Mengkaji kesan bantu mengajar ICT dalam meningkatkan pencapaian kemahiran membaca Jawi murid Orang Asli.
4. Mengkaji kesan bantu mengajar ICT dalam meningkatkan pencapaian kemahiran menulis Jawi murid Orang Asli.

1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian di atas, kajian ini dilakukan untuk menjawab beberapa soalan kajian, iaitu:



1. Apakah tahap pencapaian kemahiran membaca Jawi dalam kalangan murid Orang Asli.
2. Apakah tahap pencapaian kemahiran menulis Jawi dalam kalangan murid Orang Asli.
3. Apakah kesan bantu mengajar ICT dalam meningkatkan pencapaian kemahiran membaca Jawi murid Orang Asli
4. Apakah kesan bantu mengajar ICT dalam meningkatkan pencapaian kemahiran menulis Jawi murid Orang Asli.

1.7 Hipotesis Kajian

Terdapat 2 hipotesis di dalam kajian ini:

Hipotesis 1:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi pencapaian kemahiran membaca Jawi, setelah murid Orang Asli menggunakan bahan bantu mengajar berteraskan ICT.

Hipotesis 2:


Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi pencapaian kemahiran menulis Jawi, setelah murid Orang Asli menggunakan bahan bantu mengajar berteraskan ICT.

1.8 Kerangka Konsep Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan penggunaan bahan bantu mengajar berteraskan ICT terhadap pencapaian Jawi, dalam kalangan Murid Orang Asli kaum

Temiar. Pemboleh ubah yang dimanipulasikan atau pemboleh ubah tidak bersandar dalam kajian ini ialah bahan bantu mengajar manakala pencapaian murid, dalam kemahiran membaca dan menulis Jawi menjadi pemboleh ubah bergerak balas ataupun pemboleh ubah bersandar. Kajian eksperimen ini dilakukan ke atas sebuah kumpulan yang menerima intervensi. Kumpulan intervensi didefinisikan sebagai kumpulan murid yang menerima intervensi menerusi penggunaan bahan bantu mengajar berteraskan ICT. Pembinaan rancangan pengajaran harian guru melalui sistem Collaborative Instructional Design System (CIDS). Perhubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar dalam kajian eksperimen ini merupakan perhubungan sebab-akibat, iaitu akibat daripada pemboleh ubah tidak bersandar (kaedah pengajaran) disebabkan oleh perubahan pada pemboleh ubah bersandar.

Kerangka kajian memberi maksud kepada eviden atau bukti yang diperolehi secara keseluruhan tentang hubungan terhadap beberapa prinsip, model, teori dan pemboleh ubah bebas juga melibatkan pemboleh ubah bersandar yang digunakan dalam keseluruhan kajian. Muhammad Umudee (2011). Kerangka kajian eksperimen ini boleh dilihat pada Rajah 1.1.



Rajah 1.1. Kerangka Konsep Kajian



Kerangka konseptual di atas memberi gambaran berkaitan pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini untuk melihat perubahan yang akan berlaku pada kemahiran membaca dan menulis Jawi dalam kalangan murid Orang Asli. Kemahiran-kemahiran ini akan diuji menggunakan instrumen yang akan dibincangkan dengan lebih terperinci pada bab seterusnya.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan satu usaha ke arah melihat sejauh mana keberkesanan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran Jawi khususnya. Pengumpulan maklumat dan hasil kajian seterusnya mampu menggalakkan guru guru pendidikan Islam untuk mempelbagaikan bahan bantu mengajar mereka.



Menurut Abdul Razak, Mohd Mahzan dan Norwaliza (2019) menyatakan bahawa guru memainkan peranan yang signifikan dalam pencapaian pendidikan murid Orang Asli. Guru perlu menjadikan persekitaran pembelajaran yang menyenangkan bagi meningkatkan persepsi murid dan mengurangkan kesan terhadap kadar ponteng sekolah, keciciran, masalah disiplin dan pencapaian pendidikan.

1.9.1 Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)

Hasil kajian ini diharapkan dapat merealisasikan hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia untuk meningkatkan pencapaian murid-murid di dalam bidang Jawi bagi mata



pelajaran Pendidikan Islam, seterusnya berupaya memanipulasikan telefon pintar untuk tujuan pendidikan seperti yang di gariskan di dalam 12 Inisiatif Terbaru peringkat Sekolah 2019 oleh KPM.

1.9.2 Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

Melalui kajian ini, ianya dapat memperlihatkan kepentingan pengetahuan teknologi dan kemudahan prasarana yang lengkap kepada golongan Orang Asli. Pihak JAKOA seharusnya melihat ia sebagai medium penyampaian informasi utama pada masa kini, tanpa mengira peringkat umur dan tempat. Pembangunan masyarakat Orang Asli dapat dibantu melalui penggunaan mereka di dalam aspek teknologi Usaha menaiktaraf talian perhubungan dan capaian *internet* di perkampungan Orang Asli sekaligus memudahkan penggunaan peralatan teknologi dan gajet yang lebih canggih di tempat mereka.

1.9.3 Guru Pendidikan Islam

Dapatan kajian Norwaliza Abdul Wahab (2014) menunjukkan bahawa, pendekatan pengajaran menggunakan bahan visual sebagai bantu mengajar mampu menambah baik kualiti pengajaran seterusnya mempertingkatkan pencapaian murid Orang Asli dalam pembelajaran. Penyediaan bahan bantu mengajar berteraskan ICT dilihat sebagai salah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh guru-guru Pendidikan Islam, ICT bukan sahaja mampu memberi kemudahan kepada guru untuk menyediakan bahan bantu mengajar, malah ia mampu menjimatkan masa mereka serta berupaya



menghasilkan suasana pembelajaran dan interaktif dan efektif. Kajian ini juga memperlihatkan keberkesanan antara penggunaan bahan bantu mengajar berteraskan ICT. Adalah menjadi suatu kemestian bagi guru-guru untuk memilih bahan bantu mengajar yang lebih efektif serta praktikal di dalam sesi pengajaran dan pembelajarannya.

1.9.4 Murid Orang Asli

Sampel kajian ini melibatkan murid Orang Asli kaum Temiar, eksperimen yang dijalankan ke atas mereka adalah untuk melihat sejauh mana ICT membantu mereka dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Jawi. Dapatan kajian ini diharapkan dapat meningkatkan kemahiran membaca dan menulis Jawi. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi pandangan dan gambaran tentang pembelajaran Jawi yang mengaplikasikan ICT sebagai bahan bantu mengajar kepada guru-guru Pendidikan Islam khususnya. Kajian ini dapat menjawab persoalan-persoalan yang selalu menjadi tanda tanya bagi para pendidik dan pihak kementerian bagaimana untuk menjadikan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam lebih efektif dan interaktif seterusnya meningkatkan pencapaian Murid Orang Asli di dalam bidang Pendidikan Islam.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan mengikut reka bentuk dan prosedur saintifik yang sistematik dengan mengawal sebaik mungkin sebarang elemen atau faktor yang boleh





mengganggu keputusan kajian. Kajian ini hanya terbatas kepada 32 orang murid Orang Asli Temiar yang terdiri daripada murid lelaki dan perempuan yang beraras kognitif yang sama (murid-murid yang tidak melepassi tahap lulus Ujian Kemahiran membaca dan menulis Jawi Pra). Kajian eksperimen ini adalah untuk melihat kesan Pembelajaran menggunakan ICT terhadap pencapaian Jawi melalui pengujian kemahiran membaca serta kemahiran menulis Jawi. Pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan perlu mengikut rancangan yang disediakan. Hasil generalisasi kajian hanya pada kes yang mempunyai ciri-ciri yang hampir sama sahaja serta tidak menggambarkan kesimpulan keseluruhan murid Orang Asli kaum Temiar di seluruh Malaysia.

Kajian ini dilaksanakan di sebuah sekolah kebangsaan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Sekolah ini merupakan sebuah sekolah kebangsaan luar bandar

yang terdiri daripada kaum Temiar (100%) dengan jumlah murid seramai 163 orang. Sekolah ini terletak di kawasan pedalaman Sungai Siput (U) Perak. Kajian ini melibatkan bidang Jawi yang terbahagi kepada dua kemahiran utama, iaitu kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kedua-dua kemahiran ini akan diuji menggunakan Ujian Pra dan Pasca bagi mengenal pasti keberkesanan intervensi yang akan dijalankan pada 32 orang murid orang Asli semasa proses eksperimen berjalan. Kajian ini turut melibatkan murid Orang Asli tahun empat dan lima yang berada pada tahap penguasaan Jawi tahap satu dan dua, serta tidak melibatkan murid yang memperoleh tahap penguasaan Jawi 3 dan ke atas.



1.11 Definisi Operasional

Bagi menjelaskan setiap perincian yang terdapat dalam kajian ini, beberapa konsep perlu dijelaskan serta diberi definisi secara operasional mengikut konteks kajian ini.

Beberapa definisi operasional yang digunakan di dalam kajian ini adalah:

1.11.1 Murid Orang Asli

Menurut Kamus Dewan Edisi keempat (2007), murid merujuk kepada orang atau anak yg sedang belajar atau berguru. Manakala Orang Asli adalah masyarakat pribumi yang paling awal mendiami Tanah Melayu. Hasil kajian arkeologi yang dijalankan di beberapa buah gua di timur dan utara Semenanjung menunjukkan nenek moyang Orang Asli telah mendiami Semenanjung sejak abad ke-8 SM (Zalizan Mohd Jelas, 2009).

Abdul Razak, Mohd Mahzan dan Norwaliza (2019) menyatakan bahawa ahli etnografi membahagikan kelompok Orang Asli kepada 3 kumpulan besar berdasarkan perbezaan asal usul, tutur Bahasa dan juga rupa bentuk fizikal mereka, iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto. Dalam kelompok Senoi terdapat suku kaum Semai, Temiar, Jah Hut, Che' Wong, Mah Meri dan, Semaq Beri yang menduduki kawasan di negeri Perak dan Pahang. Manakala, sampel di dalam kajian ini tertumpu kepada Murid Orang Asli kaum Temiar yang tinggal di kawasan pedalaman Sungai Siput (U) Perak.

Dalam kajian ini, murid Orang Asli merujuk kepada 62 orang murid berketurunan Asli kaum Temiar di Kawasan Sungai Siput yang berusia antara 7 hingga



11 Tahun. Selain itu pengkaji telah memastikan bahawa kesemua mereka mempunyai ciri homogen yang sama iaitu kumpulan murid yang tidak melepas tahap lulus bagi Ujian Diagnostik Jawi 2019.

1.11.2 Bahan Bantu Mengajar Berteraskan ICT

Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau ICT, merupakan penggunaan peralatan teknologi untuk memperoleh maklumat daripada pelbagai sumber pada masa kini sejajar dengan perkembangan global berasaskan e-pembelajaran (Joseph Anjuman dan Wan Rozali, 2013).

Azhar dan Nurul Huda (2010) menyatakan bahawa mata pelajaran Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran yang dianggap bersesuaian untuk digabung jalin bersama penggunaan ICT, kerana di dalamnya terkandung tema yang bersesuaian dengan ICT. Oleh itu, guru Pendidikan Islam amat digalakkan untuk menggunakan melibatkan penggunaan peralatan ICT seperti komputer bagi melahirkan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam yang lebih interaktif untuk menarik minat murid. Bahan bantu mengajar berteraskan ICT melibatkan penggunaan media, yang mana ia boleh difahami sebagai peralatan atau bahan (perisian) media yang dibina dan dirancang untuk tujuan menyampaikan maklumat atau pengetahuan. Yusuf Hashim (1997).

Dalam konteks kajian ini, bahan bantu mengajar yang digunakan terdiri daripada beberapa peralatan ICT seperti komputer, televisyen dan telefon pintar. Kajian





ini turut melibatkan penggunaan beberapa buah perisian (*software*) yang menjurus ke bidang Jawi, seperti *Power Point*, Mari belajar Jawi, dan Black Board.

1.11.3 Pencapaian Jawi Murid

Pencapaian didefinisikan sebagai apa yang telah dicapai, dihasilkan, diperoleh seterusnya melambangkan suatu prestasi. Ia merupakan suatu ukuran terhadap seseorang individu tentang apa yang diketahuinya setelah mengikuti sesuatu kursus ataupun latihan. Murid pula ialah orang yang belajar seperti pelajar sekolah, penuntut di maktab ataupun orang yang menyelidiki ilmu (Kamus Dewan, 2005).



ialah pencapaian kemahiran membaca dan menulis Jawi, serta minat murid terhadap pembelajaran Jawi di sekolah. Dalam konteks kajian ini, pencapaian Jawi murid adalah berdasarkan pencapaian mereka yang diperoleh daripada ujian Pra dan Pasca kemahiran membaca dan kemahiran menulis Jawi.

1.11.4 Kemahiran Membaca

Individu yang dikatakan dapat menguasai Bahasa itu apabila ia telah berkemahiran membaca dalam bahasa itu, ia boleh dilakukan apabila mereka telah dapat menguasai konstruk bahasa itu secara lisan. Adalah dipercayai bahawa individu yang sudah dapat





menguasai bahasa itu secara lisan boleh belajar membaca dengan lebih mudah dan berkesan. (Kamarudin, Abdullah dan Mohd Ra'in 2011).

Dalam konteks kajian ini, instrumen kemahiran membaca Jawi merujuk kepada bacaan awal yang melibatkan sebutan huruf vokal dan konsonan serta suku kata terbuka dan suku kata tertutup Jawi. Fokus bahan bantu mengajar berteraskan ICT tertumpu terhadap batasan kajian ini semata. Instrumen pengujian yang digunakan di dalam kajian ini juga turut berfokus kepada kemahiran bacaan awal seperti yang dinyatakan di atas.

1.11.5 Kemahiran Menulis



Menulis membawa maksud penghasilan simbol-simbol grafik untuk melambangkan bahasa yang dapat difahami oleh individu itu supaya orang lain boleh membaca grafik-grafik itu dengan mudah. Kemahiran menulis adalah aktiviti yang terakhir di dalam proses penguasaan bahasa dan ianya tidak dapat dipisahkan daripada kemahiran membaca, kerana kedua-dua proses tersebut berlaku secara serentak (Kamarudin, Abdulllah dan Mohd Ra'in 2011).

Dalam konteks kajian ini, kemahiran menulis Jawi merujuk kepada penulisan huruf-huruf tunggal, seterusnya berfokuskan suku kata terbuka dan suku kata tertutup Jawi. Bahan bantu mengajar yang berteraskan ICT yang digunakan bagi membantu murid kumpulan intervensi melibatkan teknik penulisan huruf tunggal serta pembentukan suku kata terbuka dan tertutup.





1.12 Rumusan

Bab satu telah menghuraikan pengenalan mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konsep kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operational. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti keberkesanan bahan bantu mengajar berteraskan ICT dalam meningkatkan pencapaian Jawi di sekolah. Pengkaji akan berusaha menjawab persoalan-persoalan kajian yang dikemukakan dalam bahagian persoalan kajian untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang keberkesanan ICT membantu murid asli lemah Jawi. Selain itu pengkaji juga akan melampirkan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan pembelajaran dan pengajaran Jawi, penggunaan ICT dalam pembelajaran serta pembinaan kajian berdasarkan model dan teori yang berkaitan pada bab seterusnya.

